

Headline **Pengurusan hutan secara lestari**  
Date **24 Dec 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **L-31**  
Article Size **359 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,095**  
PRValue **21,286**



# Pengurusan hutan secara lestari

JERANTUT 23 Dis. – Hutan Simpanan Tekal Tembeling dekat sini akan dijadikan model Kajian Pembangunan Teknologi Pengurusan Hutan Secara Lestari membabitkan penanaman semula benih pokok balak bermutu tinggi pertama di negara ini.

Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Shamsudin Ibrahim berkata, projek yang terletak 14.5 kilometer dengan jalan pelancongan Taman Negara Kuala Tahan dapat menampung bekalan kayu balak bermutu tinggi dalam tempoh 30 tahun akan datang.

Menurutnya, projek itu akan mewujudkan persekitaran biologi, mengekalkan ekosistem dan memulihara biodiversiti, termasuk kajian hidrologi antara yang menjadi fungsi hutan di negara ini.

“Menerusi fasa pertama tahun ini, kita telah menanam sebanyak 7,230 benih kayu balak setinggi satu setengah meter termasuk buah-buahan tempatan di kawasan seluas 2.5 hektar di atas bekas tapak pembalakan.

“Justeru, projek ini merupakan

model pengurusan hutan secara lestari dan penanaman intensif pokok balak berasaskan pelan Tindakan Strategik FRIM tahun 2004 - 2013,” katanya kepada pemberita di Hutan Simpanan Tekal Tembeling, dekat sini semalam.

Hadir sama, Ketua Penyelidik Hutan Asli FRIM, Dr. Ismail Harun dan Pegawai Penyelidik Kanan FRIM, Wan Mohd Shukri Wan Ahmad.

Menurut beliau, lokasi berkenaan akan dijadikan sebagai pusat kajian untuk pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), swasta dan antarabangsa mengenai pengurusan hutan dan mempelajari pelbagai jenis kayu-kayan bermutu tinggi.

“Oleh kerana berdekatan dengan pintu masuk ke Taman Negara Kuala Tahan, projek itu sekali gus bakal menjadi produk pelancongan berasaskan alam sekitar dan latihan pengurusan hutan secara lestari antara bidang pengajian perhutanan, perikanan dan lain-lain, katanya.

Shamsuddin berkata, projek itu merupakan perintis di luar kawasan FRIM di Kepong dan merancang meluaskan projek yang sama seluas 9.2 hektar mulai tahun depan berasaskan

Headline	<b>Pengurusan hutan secara lestari</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>24 Dec 2010</b>	Page No	<b>L-31</b>
MediaTitle	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>359 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>7,095</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>21,286</b>
Circ / Read	<b>197,952 / 833,287</b>		

kajian hidrologi dan pemuliharaan semula hutan hasil impak pembalakan di Hulu Tembeling dekat sini.

Dalam pada itu, Ismail berkata, projek itu akan menjadi pemindahan teknologi kepada kumpulan sasaran dan pelanggan FRIM termasuk dalam bentuk kajian dan penerbitan hasil kajian.

Katanya, spesies benih pokok balak yang ditanam dibekalkan oleh Pusat Sistem Penyelidikan FRIM, Jengka, iaitu, Pokok Meranti, Pokok Temak Nipis, Pokok Kembang Semangkuk, Pokok Meranti Kepong, Pokok Damar Hitam Siput, Pokok Keruing, Pokok Nyatoh, Pokok Sengkawang Air, Pokok Meranti Melantai dan Cengal.

“Kayu-kayan berkenaan akan matang dan boleh ditebang setelah berukuran satu cubic meter dalam tempoh 30 tahun dan mencapai harga di pasaran antara RM6,000 hingga RM7,000 satu tan, khususnya Kayu Meranti dan Kayu Cengal,” katanya.

Beliau menambah projek itu menjadi alternatif bentuk pengurusan hutan secara saintifik pada masa akan datang untuk jaminan bekalan sumber kayu kayan komersial yang menjadi nadi ekonomi negara.

Headline **Pengurusan hutan secara lestari**  
Date **24 Dec 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **L-31**  
Article Size **359 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **7,095**  
PRValue **21,286**



**DR. Shamsudin Ibrahim (tiga dari kiri ) bersama sekumpulan penyelidik FRIM ketika meninjau penanaman pokok balak di bawah Kajian Pembangunan Teknologi Pengurusan Hutan Secara Lestari di Hutan Tekal Tembeling, Jerantut, kelmarin.**